

Bil. S 21

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KASTAM (PINDAAN), 2013

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pemasukan bab 22A baru ke dalam S 39/2006.
 3. Pindaan bab 152.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KASTAM (PINDAAN), 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kastam (Pindaan), 2013.

Pemasukan bab 22A baru ke dalam S 39/2006.

2. Perintah Kastam, 2006, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 22 —

“Ketetapan kastam.

22A. Pengawal boleh, atas budibicaranya sendiri atau atas suatu permohonan yang dibuat menurut peraturan-peraturan tersebut yang dibuat di bawah Perintah ini, membuat suatu ketetapan mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan tersebut dan ketetapan itu hendaklah terikat kepada pemohon.”.

Pindaan bab 152.

3. Bab 152 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraihan (2) —

(a) dalam perenggan (zi), dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan koma bernoktah;

(b) dengan menambah perenggan baru yang berikut —

“/zj/ perjalanan semua perkara berhubung dengan ketetapan kastam.”.

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 19 haribulan Mac, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM